

PROTÉGÉ: Bimbingan usahawan belia

■ KUANTAN 8 APRIL

KEMENTERIAN Pembangunan Usahawan (MED) menerusi program Professional Training & Education Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) komited menyediakan bimbingan keusahawanan kepada semua belia yang berminat memajukan diri.

Ketua Sekretariat PROTÉGÉ, Norashikin Ismail berkata, program bimbingan serta latihan kemahiran keusahawanan itu disediakan kepada golongan belia sejourus mereka tamat persekolahan.

“Melalui PROTÉGÉ, kita membuka fokus yang lebih luas yang mana bukan hanya untuk pelajar universiti sahaja, tetapi kita turut memberi tumpuan kepada pelajar yang baru tamat persekolahan.

“Semua agensi di bawah MED akan memberi bantuan kepada para belia di luar sana yang berminat untuk menjadi usahawan dan seterusnya memberi bantuan dalam bentuk kewangan ataupun latihan,” kata beliau.

Norashikin berkata demikian ketika sidang media sejourus perasmian penutup sempena Karnival Kerjaya di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang di sini yang diadakan pada Sabtu lalu.

“Melalui PROTÉGÉ, kita membuka fokus yang lebih luas yang mana bukan hanya untuk pelajar universiti sahaja, tetapi kita turut memberi tumpuan kepada pelajar yang baru tamat persekolahan.”

NORASHIKIN ISMAIL

Hadir merasmikan majlis penutup ialah Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Md. Sharif Shamsuddin mewakili Naib Canselor UMP, Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Prof Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin.

Selepas merekodkan kehadiran kira-kira 3,000 pelajar ketika program di UMP pada 5 dan 6 April lalu, PROTÉGÉ Reach Out & Awareness juga bakal menemui pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Kota Samarahan yang dijadualkan Rabu dan Khamis ini.

Sepanjang April juga, PRO-



MD. SHARIF (duduk, tengah) menunjukkan tanda bagus bersama peserta program di UMP Kampus Gambang, baru-baru ini.

TÉGÉ akan turut diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UiTM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

PROTÉGÉ seterusnya bakal menemui pelajar-pelajar Universiti Teknikal Melaka (UTeM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sehingga minggu terakhir bulan ini.

PROTÉGÉ yang dilancarkan pada 28 Januari lalu merupa-

kan program di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sebagai platform bimbingan industri untuk golongan belia dengan kerjasama pemain-pemain industri di seluruh negara.

Ia juga merupakan platform melahirkan usahawan belia kompetitif dan sedia bersaing di peringkat antarabangsa serta menggilap potensi tenaga kerja berkemahiran yang memenuhi keperluan industri.

Ujar Norashikin lagi, para graduan serta lepasan sekolah turut berpeluang menyertai latihan industri yang menawarkan

elaun sehingga RM2,000 sebulan selama tempoh maksimum setahun di bawah program PROTÉGÉ.

“Melalui program PROTÉGÉ di universiti-universiti awam juga, kita membawa syarikat-syarikat atau majikan yang mengendalikan proses temu-duga terbuka.

“Sebelum memulakan perniagaan sendiri, mereka boleh bekerja terlebih dahulu selama beberapa tahun untuk mendapat pengalaman dan kemahiran. Kami juga amat bersungguh-sungguh untuk membantu belia Malaysia,” katanya.